

MPU3142

BAHASA MELAYU
KOMUNIKASI II

SELF INSTRUCTIONAL
MATERIALS

ACADEMIC YEAR 2023

**FACULTY OF BUSINESS, HUMANITIES &
HOSPITALITY**

**BACHELOR OF COMMERCE (HONOURS)
IN BANKING AND FINANCE**

TOPIK 9 ▶ Percutian I

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir topik ini, anda seharusnya dapat:

1. Menceritakan tempat menarik di Malaysia dengan menggunakan bahasa Melayu yang betul;
2. Mencari maklumat tentang pelancongan di Malaysia menggunakan bahasa Melayu yang betul;
3. Menghuraikan konsep inap desa;
4. Menolak dan menerima cadangan dengan berhemah; dan
5. Menggunakan imbuhan *men-* dan *ber-* dengan betul.

▶ PENGENALAN

Topik ini akan menghuraikan tentang tempat menarik, maklumat pelancongan dan inap desa untuk anda merancang percutian anda. Aspek komunikasi yang diketengahkan ialah cara memberi cadangan serta menolak cadangan secara yang berhemah. Akhir sekali, anda akan mempelajari aspek tatabahasa yang berkaitan dengan imbuhan *men-* dan *ber-*. Sudahkah anda bersedia untuk melancong? Mari kita mulakan!

9.1 TEMPAT MENARIK

Malaysia ialah sebuah negara yang menarik untuk diterokai. Terdapat banyak tempat menarik yang boleh anda lawati. Negara ini mempunyai pulau, pantai, tanah tinggi, hutan dan sungai yang masih terpelihara alam semula jadinya. Antara tempat tersebut ditunjukkan dalam Rajah 9.1.



Pulau Langkawi



Gunung Kinabalu



Cameron Highland



Port Dickson



Melaka



Putrajaya

Rajah 9.1: Tempat pelancongan yang terkenal di Malaysia

Pulau Langkawi sangat terkenal sebagai sebuah pulau yang indah. Selain itu, Pulau Perhentian, Pulau Tioman, Pulau Redang dan sebagainya turut merupakan antara pulau yang sering dilawati oleh pelancong.

Port Dickson di Negeri Sembilan ialah kawasan pantai yang sering dikunjungi pada hujung minggu. Begitu juga di negeri Pantai Timur seperti Kelantan dan Terengganu yang mempunyai pantai yang cantik. Sabah dan Sarawak juga tidak kurang dengan kawasan pantainya yang cantik.

Malaysia mempunyai kawasan tanah tinggi yang menjadi tarikan pelancong. Antaranya ialah Gunung Kinabalu yang merupakan puncak yang tertinggi di Asia Tenggara dan kawasan pelancongan yang sangat terkenal.



AKTIVITI 9.1

Cari maklumat tentang tiga tempat menarik di Malaysia. Ceritakan perkara yang menarik tentang tempat tersebut secara lisan kepada rakananda.

9.2

MAKLUMAT PELANCONGAN

Terdapat pelbagai cara untuk mendapatkan maklumat tentang pelancongan di Malaysia. Antara cara yang mudah dan popular ialah melayari Internet kerana terdapat banyak maklumat yang dapat diperoleh melalui laman web pelancongan.

Selain itu, terdapat juga brosur yang diedarkan oleh pelbagai syarikat pelancongan. Sekarang, terdapat pula penganjuran karnival pelancongan di seluruh negara, iaitu pameran Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (*MATTA - Malaysian Association of Tour and Travel Agents*) atau terkenal sebagai *MATTA Fair* (lihat Rajah 9.2).



Rajah 9.2: *MATA Fair* di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC - *Putra World Trade Centre*)

Sumber: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/>

MATA Fair merupakan karnival pelancongan yang terbesar dan mendapat sambutan hangat dalam kalangan rakyat Malaysia. Melalui karnival ini, banyak maklumat tentang pelancongan dapat diperolehi oleh masyarakat. Antaranya seperti dalam Rajah 9.3.

Kiulu Farmstay Packages

Half Day Quad Biking in Borneo
Experience the scenic drive up and down Kiulu's rolling hills, traversing rivers, paddy fields and quaint villages.
FROM RM150 PER PERSON | ~~NORMAL PRICE RM180~~

2 Days 1 Night Farmstay
An unforgettable retreat into the tranquil countryside, where cultural activities, friendly villagers, and breathtaking sceneries await.
FROM RM300 PER PERSON | ~~NORMAL PRICE RM385~~

3 Days 2 Nights Farmstay
Immerse yourself in the peaceful life of rural Sabahans, with an additional day to unearth Kiulu's wonderful secrets.
FROM RM450 PER PERSON | ~~NORMAL PRICE RM550~~

* Minimum 2 person
* Accomodation based on Twin-share bed
* Rooms & Tours are subject to availability
* Terms & conditions apply

Explore Kiulu Countryside
Full Day Tour For RM80 PER PERSON
MINIMUM 2 PERSON

- ✓ EX-KIULU
- ✓ TRAVEL ANYTIME
- ✓ LUNCH PROVIDED

BOOK DURING MATTA FAIR "BORNEO ECO TOURS" BOOTH SURIA SABAH 27 - 29 JULY 2018

BORNEO ECO TOURS MALAYSIA

Contact Us For More Details
C/O: BORNEO ECO TOURS SDN BHD
Lot 1, Pusat Perindustrian, Kolombong Jaya, Mile 5.5, Jalan Kolombong, 88450 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Tel: +60 88 438 300 | Fax: +60 88 438 307

Facebook: /kiulufarmstay, /borneoquadbiking
Instagram: @kiulufarmstay
Twitter: Kiulu Farmstay

info@kiulufarmstay.com
or visit us at www.kiulufarmstay.com

Rajah 9.3: Maklumat dan tawaran pelancongan di Malaysia

Sumber: <http://kembangsemalam.blogspot.com/2014/05/brosur-pelancongan.html>

Apakah ayat yang anda boleh gunakan untuk mencari maklumat? Yang berikut adalah antara contoh ayat untuk mendapatkan maklumat:

- (a) Bolehkah saya tahu bagaimana saya mahu ke Langkawi?
- (b) Berapakan kadar bayaran hotel tiga bintang?
- (c) Di manakah saya boleh beli tiket penerbangan?
- (d) Siapakah yang akan saya hubungi apabila sampai nanti?

- (e) Adakah saya akan dikenakan apa-apa bayaran masuk ke pusat peranganitu?
- (f) Bilakah bas akan berangkat dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang?
- (g) Manakah pakej yang sesuai untuk saya?
- (h) Adakah hotel ini menyediakan kemudahan pengangkutan untuk pengunjung?

Sekarang, baca dialog berikut yang menghebahkan maklumat tentang tempat pelancongan yang menarik di negara ini. Baca dialog ini bersama-sama rakan anda. Gunakan sebutan yang betul.

Pegawai : Selamat datang ke gerai kami encik! Kami menawarkan pakej pelancongan dalam negeri.

Yunho : Terima kasih! Saya ingin mendapatkan maklumat tentang tempat-tempat pelancongan di negara ini. Saya Yunho, baru tigabulan tinggal di Malaysia.

Pegawai : Oh, dari Korea! Selamat datang, Encik Yunho. Sebenarnya terdapat banyak tempat menarik di Malaysia. Encik boleh pilih sama ada kawasan tanah tinggi, pantai, pulau atau kawasan bandar.

Yunho : Saya mahu tahu semuanya. Nanti saya akan buat pilihan tempat-tempat yang saya minati.

Pegawai : Kalau begitu saya mulakan dengan kawasan tanah tinggi. Cameron Highland ialah kawasan pelancongan tanah tinggi yang terkenal. Suasana di sana nyaman kerana suhunya dingin. Kawasan ini dipenuhi dengan kawasan penanaman sayur. Terdapat ladang buah-buahan hawa sederhana di kawasan ini. Pemandangannya juga sangat indah. Genting Highland juga ialah kawasan tanah tinggi. Di sana ada kawasan taman tema yang besar dan sangat menarik.

Yunho : Bagaimanakah pula dengan kawasan pantai?

Pegawai : Oleh sebab Malaysia terdiri dari semenanjung dan pulau, terdapat banyak pantai di sekelilingnya. Encik boleh pergi ke Pantai Port Dickson, Pantai Batu Buruk dan Pantai Cherating kerana ini antara pantai yang sangat indah.

Yunho : Khabarnya Malaysia mempunyai banyak pulau. Bolehkah encik terangkan kepada saya beberapa buah pulau yang menarik?

Pegawai : Tentu sekali. Encik boleh melawat Pulau Langkawi yang terkenal dengan nama pulau legenda. Pulau ini sangat terkenal dalam kalangan pelancong antarabangsa. Kalau encik suka aktiviti menyelam, encik boleh pergi ke Pulau Sipadan. Di sana suasana alam sekitarnya masih semula jadi. Terdapat banyak batu karang dan spesies haiwan akuatik yang sangat menarik.

Yunho : Terima kasih encik! Saya akan buat keputusan nanti. Kalau bolehsaya mahu melawat semua tempat. Malangnya saya masih belajar dan sibuk dengan kuliah. Tapi saya sangat suka untuk kepulau.

Pegawai : Baiklah encik! Encik boleh hubungi kami jika encik memerlukan khidmat kami untuk melancong nanti. Kami sentiasa bersedia membantu encik.

Yunho : Baiklah, selamat tinggal! Pegawai

: Selamat jalan encik, jaga diri!



SEMAK KENDIRI 9.1

Nyatakan empat ayat yang anda boleh gunakan untuk mencari maklumat tentang lawatan ke Terengganu selama empat hari tigamalam.



AKTIVITI 9.2

1. Pilih satu tempat pelancongan yang anda sukai berdasarkan dialog tadi. Dalam forum myINSPIRE, nyatakan kelebihan melancong di tempat tersebut.
2. Bina ayat untuk mendapatkan maklumat berdasarkan jawapan yang berikut.

Soalan	Jawapan
1.	Bas akan bertolak pada pukul 9.00 pagi.
2.	Harga tiket penerbangan ke Langkawi adalah sebanyak RM200.00.
3.	Encik boleh tanya lokasi chalet di kaunter pertanyaan.
4.	Encik boleh menaiki bas atau kapal terbang untuk ke Pulau Pinang.
5.	Encik Halim akan menjemput encik di lapangan terbang nanti.

INAP 9.3

Pada masa sekarang, pelancongan secara inap desa semakin popular. Hal ini adalah kerana inap desa ialah konsep pelancongan yang menarik. Ia melibatkan kawasan luar bandar atau desa yang terletak di pedalaman negeri. Oleh itu, pelancong akan berpeluang untuk tinggal di kawasan kampung yang jauh dari bandar.

Kelebihan inap desa ialah pelancong dapat merasai suasana desa yang nyaman dan mengambil bahagian dalam aktiviti yang dilakukan oleh penduduk kampung. Antaranya ialah ikut serta ke sawah, ke ladang, ke sungai, ke air terjun atau menikmati suasana hutan.

Terdapat sesetengah kampung yang menyediakan pelbagai aktiviti harian untuk pengunjung. Bagi inap desa yang terletak di kawasan sawah, pelancong akan dapat turun ke sawah untuk menanam padi, menuai dan sebagainya. Hal ini sudah tentu menjadi sesuatu yang menarik kerana pengalaman sebegini barangkali tidak ada di tempat asal pengunjung.

Selain itu, mereka juga dibawa untuk melihat pelbagai aktiviti penduduk kampung seperti membuat kraf tangan, membuat makanan ringan dan sebagainya.

Di samping itu, pengunjung juga berpeluang untuk mengambil bahagian dalam sukan rakyat. Antaranya termasuklah permainan congkak, galah panjang, layang-layang dan wau (lihat Rajah 9.4).



(a) Bermain congkak



(b) Bermain wau bulan

Rajah 9.4: Permainan tradisional Malaysia

Source: <https://blog.tourism.gov.my/tourism-malaysia-top-7-in-september/congak/>;
<http://www.malaysia.travel/en/it/events/2015/5/pesta-wau-antarabangsa-kelantan>

Kesimpulannya, inap desa boleh menjadi satu faktor tarikan pelancong ke negara ini.

9.4

MENERIMA ATAU MENOLAK CADANGAN

Apakah cara untuk kita menolak atau menerima cadangan? Untuk makluman, perlakuan ini perlu dilakukan secara berhemah dan berhati-hati. Hal ini bertujuan menjaga hati orang yang memberikan pelawaan atau cadangan. Jika cara menolak cadangan atau pelawaan tidak dilakukan dengan betul, terdapat kemungkinan akan berlaku konflik atau rasa kurang senang bagi orang yang memberi cadangan.

Mari kita lihat contoh ayat yang boleh kita gunakan untuk menolak dan menerima cadangan dengan berhemah dalam Jadual 9.1.

Jadual 9.1: Contoh Ayat Menerima atau Menolak Cadangan

Ayat Menerima Cadangan	Ayat Menolak Cadangan
<ul style="list-style-type: none"> • Saya sangat setuju dengan cadangan ini. • Cadangan ini sangat baik. • Saya terima cadangan encik. • Rasanya cadangan ini sesuai untuk saya. • Terima kasih atas cadangan yang baik ini. 	<ul style="list-style-type: none"> • Maafkan saya, rasanya bayaran ini sangat tinggi. • Harap maaf, saya kurang bersetuju dengan cadangan ini. • Bolehkah saya fikirkan dahulu tentang cadangan ini. • Berikan sedikit masa untuk saya fikirkan pelawaan encik. • Maaf, harga tiket sangat tinggi. Saya mencari harga yang lebih murah.

Sekarang, mari kita baca dialog berikut dan cuba faham cara untuk menolak cadangan atau pelawaan.

Edward : Selamat petang. Saya Edward. Saya mahu menyewa bilik untuk satu malam.

Mardina : Selamat datang ke Hotel Selesa. Saya cadangkan encik menyewa bilik jenis A. Bilik ini sangat luas dan selesa.

Edward : Terima kasih. Maafkan saya. Saya hanya perlukan sebuah bilik kecil tetapi selesa.

Mardina : Oh, kalau begitu encik boleh sewa bilik jenis E. Bilik ini menghadap ke arah laut. Pemandangannya sangat indah terutamanya pada waktu senja.

Edward : Berapakah kadar sewa bilik itu untuk satu malam?

Mardina : RM350.00. Harganya agak mahal kerana hari ini hujung minggu.

Edward : Saya rasa harga itu berpatutan tetapi saya hanya ingin bermalam. Saya perlukan bilik yang lebih murah.

Mardina : Kami ada bilik bujang di tingkat tiga. Tetapi tidak ada lif. Encik boleh gunakan tangga.

Edward : Maafkan saya. Kaki saya masih sakit akibat cedera ketika bermain bola sepak minggu lepas. Rasanya untuk menaiki tangga saya kurang selesa. Kalau begitu, tidak apalah. Saya akan mencari hotel yang lebih sesuai dengan saya. Terima kasih.

Mardina : Baiklah encik. Tidak ada masalah. Saya harap encik akan datang lagi.



AKTIVITI 9.3

Anda telah dipelawa untuk menginap di sebuah inap desa yang terletak jauh di kawasan pedalaman. Walau bagaimanapun, disebabkan anda tidak ada masa, anda ingin menolak pelawaan tersebut. Bagaimanakah anda mahu menolak pelawaan berkenaan? Kongsikan jawapan anda dalam forum

9.5 IMBUHAN MEN-

Sekarang, mari kita pelajari tentang imbuhan *men-*. Imbuhan *men-* merupakan salah satu imbuhan dalam bahasa Melayu. Imbuhan ini sangat penting kerana dapat membentuk kata kerja aktif, sama ada kata **kerja aktif transitif** atau **kata kerja aktif tak transitif**. Apakah perbezaan antara kedua-dua kata kerja aktif ini? Mari kita lihat jawapannya dalam Rajah 9.5.



Rajah 9.5: Dua jenis kata kerja aktif

Untuk makluman, imbuhan *men-* akan mengalami perubahan berdasarkan huruf pertama kata dasar yang diimbuhkan. Mari kita lihat peraturan imbuhan *men-* dalam Jadual 9.2.

Jadual 9.2: Imbuhan *men-*

Imbuhan	Huruf	Contoh	Bahasa Inggeris
<i>me-</i>	l, ny	<ul style="list-style-type: none"> • Melawat : me + lawat • Menyanyi : me + nyanyi 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>visiting/to visit</i> • <i>singing/to sing</i>
<i>mem-</i>	b	<ul style="list-style-type: none"> • Membuka : mem + buka • Memberi : mem + beri 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>opening/to open</i> • <i>giving/to give</i>
<i>men-</i>	c, d, j,	<ul style="list-style-type: none"> • Mencari : men + cari • Mendengar : men + dengar • Menjual : men + jual 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>finding/to find</i> • <i>listening/to listen</i> • <i>selling/to sell</i>
<i>meng-</i>	a, e, i, o, u, g, h,	<ul style="list-style-type: none"> • Mengajar : meng + ajar • Mengeja : meng + eja • Mengikut : meng + ikut • Mengurus : meng + urus • Menggoreng: meng + goreng • Menghias : meng + hias 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>teaching/to teach</i> • <i>spelling/to spell</i> • <i>following/to follow</i> • <i>managing/to manage</i> • <i>frying/to fry</i> • <i>decorating/to decorate</i>
<i>meny-</i>	s (huruf pertama digugurkan)	<ul style="list-style-type: none"> • Menyapu : meny + sapu 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>sweeping/to sweep</i>
<i>menge-</i>	Perkataan satu suku kata: cat, lap, pos, pam	<ul style="list-style-type: none"> • Mengecat : menge + cat • Mengelap : menge + lap • Mengepam : menge + pam 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>painting/to paint</i> • <i>wiping/to wipe</i> • <i>pumping/to pump</i>

Contoh ayat yang menggunakan imbuhan *men-* adalah seperti yang berikut:

- (a) Kami mahu **melawat** Melaka pada hujung minggu nanti.
- (b) Artis itu **menyanyi** lagu-lagu tradisional.
- (c) Encik Ali **membuka** pintu pagar rumahnya.
- (d) Allan sedang **mencari** hotel di Kuala Lumpur.
- (e) Aminah **mengurus** sebuah pusat inap desa di kampungnya.
- (f) Emak **menggoreng** keropok untuk dimakan oleh tetamu.
- (g) Juliana **menyapu** sampah di kawasan rekreasi itu.
- (h) Pekerja itu sedang **mengecat** hotel supaya kelihatan ceria.



SEMAK KENDIRI 9.2

1. Huraikan dua jenis kata kerja aktif.

Soalan	Jawapan
Pelancong itu mahu lawat Langkawi.	
Sally nyanyi lagu Melayu.	
Ibu sapu halaman rumah setiap pagi.	
Edwin mahu ikut Pak Ali ke sawah.	
Lily cari hotel di tengah-tengah bandar.	
Yunho sewa sebuah kereta untuk ke Johor.	

9.6 IMBUHAN *BER-*

Tahukah anda dalam bahasa Melayu, imbuhan *ber-* boleh bercantum dengan sebarang kata dasar? Imbuhan *ber-* berubah bentuk bergantung pada huruf pertama perkataan yang diimbuh. Terdapat juga yang kekal bentuknya sebagai *ber-*, terdapat yang menjadi *be-* dan terdapat yang menjadi *bel-*. Cuba lihat contoh dalam Jadual 9.3.

Jadual 9.3: Contoh Imbuhan *ber-*

Imbuhan	Kata Dasar	Kata Berimbuhan
<i>ber -</i>	lari	ber lari
	runding	ber runding
	ajar	bel ajar

Imbuhan awalan *ber-* mempunyai banyak pecahan fungsi, makna atau penggunaannya. Dalam bahasa Melayu, penggunaan imbuhan awalan *ber-* dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti yang berikut (lihat Jadual 9.4).

Jadual 9.4: Fungsi Penggunaan Imbuhan Awalan *ber-*

Fungsi	Contoh	Kata Berimbuhan
mempunyai	mempunyai ilmu	berilmu
memakai	memakai baju	berbaju
menaiki atau menunggang	menaiki kereta	berkereta
menggunakan	menggunakan payung	berpayung
mengeluarkan	mengeluarkan buah	berbuah
mengusahakan	mengusahakan sawah	bersawah
melafazkan	melafazkan doa	berdoa
menunjukkan sikap	menunjukkan sikap keras	berkeras
dalam keadaan	dalam keadaan sedih	bersedih
melakukan sesuatu perbuatan pada diri sendiri	menyembunyikan diri	bersembunyi
ada sesuatu	ada duri	berduri
bilangan atau kumpulan	dua orang	berdua

Akhir sekali, mari kita baca ayat berikut. Cuba anda tentukan fungsi penggunaan imbuhan awalan *ber-* dalam ayat berkenaan.

- (a) Kami **berbasikal** ke sekolah.
- (b) Burung merbah itu **berjambul**.
- (c) Hanya mereka **bertiga** datang ke rumah saya.
- (d) Awak mesti **berhati-hati** melalui jalan yang berbahaya itu.
- (e) Ayah **bercukur** sebelum mandi.
- (f) Pak Ali **berkebun** di kampungnya.
- (g) Murni **bergembira** kerana lulus ujian.
- (h) Datuk saya **bertongkat** kerana sudah tua.



SEMAK KENDIRI 9.3

Berikan lima fungsi penggunaan imbuhan *ber-*.

RUMUSAN

- Terdapat banyak tempat menarik yang boleh anda lawati di Malaysia seperti pulau, pantai, tanah tinggi, hutan dan sungai.
- Terdapat pelbagai cara untuk mendapatkan maklumat tentang pelancongan di Malaysia. Antaranya ialah Internet dan karnival pelancongan.
- Penggunaan bahasa Melayu yang betul dan bersopan adalah penting dalam usaha untuk mencari maklumat.
- Inap desa ialah konsep pelancongan yang menarik. Ia melibatkan kawasan luar bandar atau desa yang terletak di pedalaman negeri.
- Menerima dan menolak cadangan merupakan perkara biasa dalam kehidupan seharian.

- Penggunaan bahasa Melayu yang betul dan sopan sangat penting ketika menerima atau menolak cadangan.
- Penggunaan kata imbuhan yang betul dapat menjelaskan maksud perbualan dalam bahasa Melayu.
- Imbuhan *men-* sangat penting kerana dapat membentuk kata kerja aktif samaada kata kerja aktif transitif atau kata kerja aktif tak transitif.
- Imbuhan *ber-* boleh bercantum dengan sebarang kata dasar dan ia berubah bentuk bergantung pada huruf pertama perkataan yang diimbuhi.

KATA KUNCI

Berhemah	Kata kerja aktif transitif
Imbuhan <i>ber-</i>	Maklumat pelancongan
Inap desa	Menolak cadangan
Kata kerja aktif tak transitif	Tempat menarik



RUJUKAN

Ab Rahman Ab Rashid, & Yap Kim Fatt. (1997). *Bahasa Melayu komunikasi 1*.

Petaling Jaya, Malaysia: Longman Malaysia.

Ab Rahman Ab Rashid, & Yap Kim Fatt. (1998). *Bahasa Melayu komunikasi 3*.

Petaling Jaya, Malaysia: Longman Malaysia.

Abdul Ghalib Yunus, & Ghazali Lateh. (2008). *Esensi bahasa Malaysia PMR*. Petaling Jaya, Malaysia: Pearson Malaysia.

Zarina Othman, Roosfa Hashim, & Rusdi Abdullah. (2012). *Modul komunikasi bahasa Melayu antarabangsa*. Bangi, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

